

18 JUN 2003

Umno-Pemuda (Hishammuddin)

DIMENSI BARU PERKASAKAN SEKOLAH KEBANGSAAN, KATA HISHAMMUDDIN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno akan menggerakkan kesedaran masyarakat untuk kembali menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan, kata Ketua pergerakan itu Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau mengajak semua pihak untuk bekerjasama dengan kerajaan serta pihak sekolah untuk menjadikan sekolah kebangsaan sistem pendidikan utama bagi semua kaum sebagai wadah memupuk semangat perpaduan dan kecemerlangan ilmu.

"Aliran pendidikan kebangsaan wajib diperkukuhkan, diperlengkap, diperkemas dan dipertingkatkan agar menjadi aliran pendidikan perdana yang menjadi contoh, menjadi tumpuan dan menjadi pilihan pertama setiap lapisan masyarakat," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada persidangan pergerakan Pemuda Umno sempena Perhimpunan Agung Umno ke-57 di sini, hari ini.

Beliau berkata bagi menjayakan hasrat murni itu, pendekatan program pendidikan sekolah kebangsaan terutama dari segi kewangan, tenaga manusia, kurikulum dan prasarana hendaklah diberi dimensi baru.

Persidangan pergerakan itu yang dihadiri seramai 653 perwakilan dirasmikan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi malam tadi serentak dengan persidangan tahunan Pergerakan Wanita dan Puteri Umno.

Dalam ucapannya yang bertemakan "Bersatu, Bersedia mempertahankan Kuasa Bangsa" itu, Hishammuddin berkata tumpuan juga mesti diberi bagi meningkatkan kemahiran guru, meningkatkan prasarana pendidikan di sekolah kebangsaan dan merangka kurikulum yang tepat dengan kehendak globalisasi.

"Kita mahu melihat sekolah kebangsaan yang mampu membawa aspirasi sebenar Bangsa Malaysia dan mampu menterjemahkan semangat bernegara dan berwarga dengan tepat dan betul ke dalam minda, jiwa serta peribadi setiap pelajar.

"Pemuda sedar, terdapat kaum lain di negara ini yang begitu mengambil berat tentang pendidikan kaum mereka. Mereka dapat menarik pelbagai pihak menyokong sistem persekolahan mereka dan mereka dapat mengumpul dana yang banyak sehingga dapat menubuhkan universiti sendiri," katanya.

Beliau berkata masyarakat Melayu perlu mencontohi sikap dan komitmen kaum itu untuk mengukuhkan sistem persekolahan kebangsaan.

Pergerakan itu juga berharap sekolah kebangsaan bukan sahaja menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang akademik tetapi juga kecemerlangan bidang sahsiah, katanya.

Hishammuddin juga berkata Umno bukan sahaja perlu sinonim dengan perjuangan mempertahankan hak orang Melayu, tetapi juga perlu sinonim dengan perjuangan meningkatkan daya saing dan kecemerlangan orang Melayu itu sendiri.

Pelbagai cabaran yang dihadapi kini mendesak orang Melayu berubah minda dan seterusnya membawa bangsa Melayu ke taraf yang lebih tinggi, katanya.

"Umno perlu menyatu kembali seluruh kekuatan bangsa Melayu. Umno perlu merapatkan diri bersama rakyat, menjadi rakan mereka, membantu mereka untuk mengupayakan diri supaya terbina barisan anak bangsa yang tidak sekadar mengharap bantuan, tetapi bersedia melipatgandakan usaha," katanya.

Menyentuh mengenai peralihan kuasa, beliau percaya kesinambungan tradisi kepimpinan yang disarankan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan menamakan Timbalan Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti, membuktikan kepimpinan Umno tetap terisi dengan pemimpin yang

berkeupayaan untuk memelihara kepentingan parti dan negara.

"Tugas Pemuda adalah untuk mendokong kepercayaan, keyakinan dan amanah Datuk Seri Dr Mahathir. Pemuda menjunjung tinggi dan berpegang teguh kepada tradisi dan amalan parti serta menyokong peralihan kepimpinan ini," katanya.

-- BERNAMA

MS KHY RON